

Tuanku Nur Zahirah bangga komitmen warga UMT cipta pelbagai kejayaan

Metro 15/07/08 pg.22



Kampus

→ → →

KUALA TERENGGANU: Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah, bertitah, baginda bangga dan berbesar hati dengan warga Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang sentiasa menunjukkan komitmen tinggi terhadap amanah yang diberikan.

Menurut baginda, ia terbukti apabila UMT mencipta pelbagai kejayaan dalam pelbagai bidang penyelidikan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

"Kini UMT gah melakar nama di persada dunia dalam bidang penyelidikan sains, teknologi dan pengurusan sumber alam," titah baginda pada majlis Konvokesyen ke-6 UMT di Dewan Sultan Mizan, UMT di-

sini, semalam.

Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin turut berangkat ke majlis itu sambil ditemani Menteri Besar, Datuk Ahmad Sa'ad dan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mohamed Khaled Nordin.

Tuanku Nur Zahirah yang juga Canselor UMT yakin pelbagai kejayaan dikecapi pada usia semuda ini, bakal menjadikan UMT institusi disegani dan dikagumi.

Baginda berharap, UMT akan terus aktif memainkan peranannya semaksimum mungkin dalam memikul tanggungjawab sebagai institusi pendidikan diamanahkan mendidik generasi muda negara.


Baginda bangga dengan pembabitan aktif UMT dalam pelbagai program pembangunan di Pantai Timur terutama apabila UMT diamanahkan untuk menjadi

pusat kecemerlangan yang akan membantu memacu pembangunan dan pertumbuhan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Titah baginda lagi, UMT menubuhkan beberapa pusat seperti Pusat Latihan Pengurusan Fasiliti, Pembangunan Sosial, Biodiversiti dan Oseanografi serta Pusat Kerjasama Industri Akademia membantu mengerakkan pembangunan ECER.

"Pembabitan UMT dalam program seumpama ini membuktikan pengiktirafan masyarakat terhadap keupayaan institusi dalam program pembangunan negara amnya dan Terengganu khususnya," titah baginda.

Baginda bertitah, UMT sentiasa berusaha memenuhi tuntutan obligasi sosial negara dan komuniti setempat dan secara keseluruhan berpuas hati terhadap sumbangan UMT.



CEMERLANG...penerima Anugerah Pengurus Lembaga Pengarah Universiti, Mustafa Mamat (tengah) bersama graduan UMT, semalam.